

Persatuan pengguna, NGO disaran agar lebih aktif



Bazlan (dua, kiri) bertanya sesuatu kepada peserta Kem Kepenggunaan 2013 ketika melawat tapak Kem Unisza Merang.

Sinar Harian 20/11/2013

MERANG – Persatuan pengguna atau NGO yang berkait dengan kepenggunaan disaran untuk lebih aktif memberi penerangan mengenai hak pengguna kepada masyarakat di negeri ini.

Adun Batu Rakit, Bazlan Abd Rahman berkata, langkah itu perlu memandangkan masih ramai dalam kalangan masyarakat tidak menyedari hak sebenar mereka sebagai pengguna.

“Kes membabitkan kenaikan harga barang sering menjadi bualan ramai pihak, di mana ada segelintir peniaga yang cuba mengambil kesempatan.

“Jadi, dengan adanya penerangan dan pendedahan yang lebih serius oleh persatuan atau NGO yang berkaitan secara tidak langsung

mampu memberi kesedaran kepada pengguna mengenai hak sebenar mereka,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika melawat tapak Kem **Universiti Sultan Zainal Abidin (Unisza)**, sempena Kem Pengguna 2013 anjuran Persatuan Pengguna Negeri Terengganu.

Menurut Bazlan, pendedahan awal kepada golongan muda mengenai hak dan keperluan mereka sebagai pengguna satu pendekatan terbaik.

“Kita melihat bahawa golongan muda perlu diberi pendedahan awal mengenai kepenggunaan bagi memastikan mereka mampu menjadi pengguna bijak pada masa akan datang,” katanya.